



PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SABAH

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) komited dalam memastikan infrastruktur asas luar bandar Sabah terus diperkasa. Ini adalah susulan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 17 Mac 2026 yang bersetuju untuk menyerahkan projek-projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sabah kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk dilaksanakan.

Langkah ini diambil bagi mempercepatkan pelaksanaan projek melalui pemerksaan peranan Kerajaan Negeri Sabah demi memastikan manfaat dapat disampaikan kepada masyarakat luar bandar secara lebih pantas dan berimpak tinggi. Bagi tahun 2026, sebanyak 83 projek baharu dan sambungan di bawah Program BALB Negeri Sabah telah diluluskan kepada KKDW dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM4.06 bilion dengan jumlah peruntukan RM143 juta di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1), Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), Tahun 2026.

Mesyuarat yang diadakan pada hari ini telah dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah bagi menyelaraskan tindakan yang perlu antara KKDW dan agensi pusat dengan Kerajaan Sabah bagi memastikan penyerahan projek BALB berjalan dengan lancar. Inisiatif ini membuktikan komitmen berterusan pihak Kementerian untuk menerajui pembangunan luar bandar seterusnya meningkatkan kualiti hidup komuniti di Sabah melalui penyediaan infrastruktur asas yang lebih kukuh.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

16 April 2026

